

08 SEP 1996

Mahathir-Trafik

KURANGKAN PENGGUNAAN KERETA DI PUSAT BANDAR, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru orang ramai mencari jalan bagi mengurangkan penggunaan kereta di pusat bandaraya apabila sistem Transit Aliran Ringan (LRT) beroperasi sepenuhnya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan memandang berat akan kenderaan tanpa penumpang (SOV) dan akan mencari jalan untuk memujuk mereka supaya mengurangkan penggunaan kereta di pusat bandar.

"Kita mungkin terpaksa mencari jalan bagaimana memujuk orang ramai supaya jangan gunakan kenderaan untuk seorang sahaja atau SOV," kata beliau kepada pemberita selepas mencuba perkhidmatan LRT dari stesen Sultan Ismail ke Ampang, di sini, hari ini. Perjalanan itu mengambil masa 20 minit.

Dr Mahathir berharap orang ramai akan mencari jalan untuk mengurangkan penggunaan kereta kerana bilangan kereta bertambah setiap minit dan walaupun keretapi elektrik dan LRT dapat mengurangkan sedikit kenderaan atas jalan, bilangan kenderaan tetap meningkat.

Ditanya mengenai perjalanan beliau atas LRT, Dr Mahathir menganggap perjalanan itu sebagai selesa dan standardnya boleh dibandingkan dengan keretapi-keretapi negara maju.

Beliau juga berkata stesen-stesen LRT itu nampak cantik dan berharap syarikat yang menguruskan LRT, Sistem Transit Aliran Ringan (STAR) Sdn Bhd akan dapat mengekalkan kecantikannya.

Dr Mahathir berkata, sistem LRT akan menjadikan Kuala Lumpur nampak seperti bandaraya-bandaraya lain di dunia.

Beliau berharap, orang ramai yang tinggal di sepanjang laluan LRT itu akan mencantikkan rumah-rumah mereka untuk meningkatkan lagi pemandangan.

Dr Mahathir yang juga memandu uji LRT dari stesen Pandan Indah ke stesen Sultan Ismail dalam perjalanan balik berkata, sistem LRT akan beroperasi sepenuhnya hujung tahun ini lebih awal daripada jadual asal. Ia dijadualkan beroperasi sepenuhnya April depan.

Sementara itu Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang turut hadir berkata, kerajaan akan membina laluan motosikal dan basikal bagi tidak menggalakkan orang ramai membawa kereta ke pusat bandar apabila perkhidmatan LRT dan Keretapi Komuter sudah cekap.

Beliau berkata ini bagi menggalakkan orang ramai menggunakan basikal atau motosikal dari rumah mereka ke stesen komuter KTMB atau LRT.

Dr Ling berkata, bagi menarik orang ramai menggunakan perkhidmatan seperti itu, kerajaan akan membina laluan basikal yang menarik, mesra pengguna, terlindung, selamat dan khas untuk pengguna basikal sahaja.

Beliau berkata ini penting kerana jikapun kemalangan berlaku, ia hanya antara penunggang-penunggang basikal dan bukan dengan lori atau kereta.

Kerajaan juga perlu memikirkan tarikan-tarikan lain seperti laluan khas bagi pejalan kaki.

Dr Ling berkata, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak harus membina lebih banyak tempat letak kereta kerana ini akan menggalakkan orang ramai membawa kereta ke pusat bandar.

Beliau juga menasihatkan bangunan-bangunan pejabat supaya jangan menyediakan tempat letak kereta bagi menggalakkan orang ramai menggunakan LRT, bas dan teksi untuk mengurangkan kesesakan lalulintas.

Ditanya sama ada kerajaan bercadang menaikkan kadar bayaran letak kereta, beliau berkata kemungkinan itu memang ada kerana bayaran tempat letak kereta di negara ini merupakan yang termurah di rantau ini.

Beliau berkata jika bayaran letak kereta itu tinggi, ia akan memaksa orang ramai berkongsi kereta (car pool) kerana mereka boleh berkongsi bayaran letak kereta itu.

Ketua Pegawai Eksekutif STAR, Zainal Abdul Ghani berkata, pengurusan perlu memastikan perkhidmatan LRT itu terjamin sebelum ia boleh beroperasi hujung tahun ini.

Buat masa ini kecekapan LRT adalah lebih kurang 60 peratus tetapi apabila perkhidmatan itu dibuka kepada orang ramai, ia perlu berjalan pada masa-masa yang ditetapkan tanpa sebarang gangguan, katanya.

Beliau berkata, bulan depan pihak pengurusan akan membuat penilaian terhadap perkhidmatan LRT sama ada ia menepati standard dan baru akan diputuskan sama ada ia boleh dibuka kepada umum lebih awal.

Stesen-stesen itu menyediakan tempat letak kereta yang mencukupi dan akan dihubungkan dengan bas daripada Intrakota Consolidated Sdn Bhd, kata beliau. -- BERNAMA

AFY RHM PR